

- 1 Pernyataan yang manakah betul berkaitan konsep kekurangan?
- A Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan kutipan hasil cukai.
 - B Puan Rina dapat membeli semua barang yang disukainya dengan keuntungan perniagaannya.
 - C Sinar Sdn Bhd mampu mengeluarkan semua barang kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak.
 - D Encik Shah hanya mampu membeli sepasang pakaian sahaja setelah menerima elaun sebanyak RM100
- 2 Jadual 1 menunjukkan pelbagai gabungan kemeja batik dan baju kurung yang dikeluarkan oleh Syarikat Nona Batik.

Kemeja Batik (pasang)	Baju kurung (pasang)
0	200
50	150
100	100
150	50
200	0

Jadual 1

- Berapakah kos lepas apabila syarikat tersebut menambah pengeluaran kemeja dari 50 ke 100 pasang?
- A 50 unit baju kurung
 - B 100 unit baju kurung
 - C 150 unit baju kurung
 - D 200 unit baju kurung
- 3 Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) menunjukkan
- A faktor pengeluaran yang terhad
 - B ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh
 - C kos pengeluaran yang digunakan untuk mengeluarkan dua jenis barang
 - D kesan pilihan terhadap kos lepas

4 Pernyataan di bawah berkaitan dengan teknologi moden dalam pembuatan pertanian.

Penggunaan teknologi AI dalam pertanian membantu petani menghasilkan bahan mentah berkualiti tinggi dan konsisten

Penyataan tersebut berkaitan dengan masalah asas ekonomi

- A apa dan untuk siapa dikeluarkan
- B berapa dan bagaimana hendak dikeluarkan
- C bagaimana dan apa hendak dikeluarkan
- D untuk siapa dan bagaimana dikeluarkan

5 Jadual 2 berkaitan dengan permintaan baju sukan.


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Mac	April
35	2 000	3 500

Jadual 2

Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya situasi di atas?

- A Harga baju sukan
- B Pendapatan berkurang
- C Musim kejohanan sukan
- D Harga barang pengganti turun

- 6 Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan untuk buah manggis tempatan.




Rajah 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan di atas?

- A Harga manggis dijangka naik
 - B Cukai barangan dikurangkan
 - C Pendapatan pengguna bertambah
 - D Citarasa pengguna terhadap manggis import
- 7 Keluk penawaran menunjukkan
- I apabila harga naik kuantiti ditawarkan akan jatuh
 - II apabila harga naik kuantiti ditawarkan akan naik
 - III hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan adalah positif
 - IV hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan adalah negatif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Apakah yang menyebabkan peningkatan penawaran bagi barangan elektronik di pasaran?
- A Kenaikan cukai barangan elektronik
 - B Kenaikan upah buruh
 - C peningkatan citarasa
 - D peningkatan teknologi
- 9 Pertambahan permintaan dalam keseimbangan pasaran akan menyebabkan
- A harga jatuh
 - B kuantiti jatuh
 - C keluk permintaan beralih ke kiri
 - D keluk permintaan beralih ke kanan
- 10 Rajah 2 menunjukkan permintaan buah mangga.




Rajah 2

Jika nilai keanjalan bagi buah mangga ialah 2, hitungkan nilai X.

- A 130 kg
- B 144 kg
- C 150 kg
- D 180 kg

- 11 Antara berikut yang manakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan?
- A Faktor masa
 - B Jenis barang
 - C Tambahan kos
 - D Mobiliti faktor pengeluaran
- 12 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran barang W.



Rajah 3

- Berapakah nilai keanjalan penawaran barang W?
- A 0.3
 - B 0.5
 - C 1.0
 - D 3.0
- 13 Situasi manakah yang menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?
- A Alia membeli komputer di kedai komputer XYZ secara tunai
 - B Telefon pintar jenama Pantaz yang dijual di kedai itu berharga RM 2500
 - C En Azam mengunjungi 10 kedai komputer untuk membandingkan harga komputer
 - D Siti membuat pembayaran kereta Jenama H, RM 550 setiap bulan selama 9 tahun

- 14 Gambar 1 menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah benar tentang institusi kewangan tersebut?

- A Menjaga rizab tunai
- B Membayar hutang negara
- C Menawarkan pinjaman kepada peniaga
- D Menyediakan akaun penjelasan antara bank

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan.

Encik Syafiq seorang jurutera di Syarikat Minyak dan Gas Kerteh, Terengganu. Beliau memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM30 000.

Antara berikut, apakah faktor beliau memperoleh pendapatan sebanyak itu?

- I Risiko pekerjaan
 - II Kelayakan akademik
 - III Saiz sesebuah firma
 - IV Jaminan kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



16 Jadual 3 berkaitan dengan pendapatan Puan Dina

Butiran	RM
Gaji	1 800.00
Dividen	350.00
PERKESO	8.50
KWSP	198.00
Bayaran sewa rumah	400.00

Jadual 3

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Dina pada bulan tersebut?

- A RM 1 193.50
- B RM 1 243.50
- C RM 1 543.50
- D RM 1 943.50

17 Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian secara kredit.

Encik Zafran membeli kereta bernilai RM100 000 secara kredit. Beliau telah membayar bayaran pendahuluan sebanyak 20%. Bakinya dibayar secara ansuran selama 6 tahun. Kadar faedah yang dikenakan ialah 4% setahun.

Berapakah bayaran ansuran yang perlu dibayar untuk sebulan?

- A RM1377.78
- B RM1516.66
- C RM1583.33
- D RM1722.22

18 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- ✓ Tidak perlu ditanggung apabila tiada keluaran
 - ✓ Perubahan dalam keluaran akan mempengaruhi kos ini

Antara berikut, tindakan yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

- A Pembiayaan jentera dan mesin
- B Pembelian premium insurans kilang
- C Perbelanjaan terhadap upah buruh
- D Pembayaran sewa bulanan premis

19 Jadual 4 menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos berubah.

Jumlah keluaran (unit)	Kos berubah (RM)
20	40
40	60

Jadual 4

- Berapakah kos purata pada tingkat keluaran 40 unit, jika kos tetap ialah RM100?
- A RM4.00
- B RM5.20
- C RM6.00
- D RM2.50

- 20 Antara berikut, yang manakah benar tentang tahap pengeluaran yang paling cekap?
- I Berlaku pada tahap II pengeluaran
 - II Keluaran purata semakin meningkat
 - III Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap
 - IV Jumlah keluaran firma meningkat dengan banyak apabila penggunaan input bertambah.
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV
- 21 Pernyataan manakah betul menerangkan tenaga manusia mempengaruhi produktiviti sesebuah organisasi.
- A Tahap motivasi pekerja yang tinggi
- B Persekitaran kerja kondusif dan selesa
- C Kecekapan dalam sistem dan prosedur
- D Penggunaan teknologi canggih dalam kerja
- 22 Pasangan yang manakah betul.

	Keterangan	Kesan
A	Pembangunan yang tidak terkawal menjejaskan alam sekitar	Kos sosial
B	Wujud banyak taman rekreasi awam di pusat bandar	Kos sosial
C	Statistik menunjukkan jumlah perokok semakin meningkat setiap tahun	Faedah sosial
D	Pembuangan sisa toksik oleh kilang menyebabkan air sungai tercemar	Faedah Sosial

- 23 Pernyataan manakah yang menerangkan objektif mencapai pertumbuhan ekonomi negara.
- A Imbangan pembayaran merekodkan aliran wang masuk ke dalam negara
 - B Ketidakstabilan harga menjamin kestabilan kuasa beli masyarakat
 - C Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat
 - D Jumlah tenaga buruh yang digunakan secara optimum oleh sesebuah negara
- 24 Gambar 2 berkaitan dengan situasi ekonomi dalam negara.



Gambar 2

Pernyataan manakah menerangkan kesan kenaikan tersebut terhadap eksport negara.

- A Tabungan merosot
- B Beban hutang meningkat
- C kehilangan daya saingan di pasaran
- D Pendapatan benar masyarakat menurun



25 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi pengangguran dalam negara.

Menurut satu kajian, antara punca graduan kekal menganggur adalah sikap terlalu memilih pekerjaan. Walaupun kurang pengalaman bekerja, kebanyakannya cuba memohon pekerjaan bergaji tinggi sekali gus bersaing dengan pemohon yang lebih berpengalaman.

Sumber: www.utusan.com.my, 12 Jun 2023

Maklumat tersebut merupakan pengangguran

- A kitaran
- B geseran
- C berstruktur
- D bermusim

26 Jadual 5 menunjukkan anggaran hasil kerajaan bagi tempoh setahun.

Sumber hasil	RM (juta)
Duti eksport	1,955
Denda dan penalti	1,703
Duti eksais	6,721
Duti setem	10,096
Cukai pendapatan individu	43,970

Sumber: belanjawan.mof.gov.my

Jadual 5

Berapakah jumlah hasil kerajaan daripada cukai tidak langsung pada tahun tersebut?

- A RM8,676 juta
- B RM10,379 juta
- C RM54,066 juta
- D RM64 445 juta

- 27 Pernyataan manakah merujuk kepada perbelanjaan perkhidmatan ekonomi?
- A Membina kuarters kediaman kesihatan
 - B Membina pusat pelabuhan kapal
 - C Membina pusat kegiatan guru
 - D Membina ibu pejabat polis
- 28 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

KUALA LUMPUR: Kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun mencatatkan peningkatan daripada 270,800 orang pada suku kedua 2024 kepada 286,500 orang pada suku sama tahun ini.

Sumber: BH Online, 3 Sept, 2025

Apakah alat dasar kewangan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Menaikkan kadar faedah
 - B Mengetatkan syarat sewa beli
 - C Meningkatkan nisbah rizab tunai
 - D Membeli surat jaminan kerajaan
- 29 Pernyataan yang manakah menerangkan konsep pelaburan langsung asing.
- A Firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak
 - B Urusan jual beli barang antara sesebuah negara dengan negara lain
 - C Kemasukan firma asing untuk memulakan operasi perniagaan dalam negara
 - D Dasar perdagangan luar negara oleh kerajaan untuk mengawal import dan eksport
- 30 Halangan dalam bentuk undang-undang, peraturan atau syarat-syarat tertentu terhadap sesebuah negara merujuk kepada
- A Tarif
 - B Kuota
 - C Sekatan bukan ekonomi
 - D Kawalan pertukaran asing

- 31 Apakah kesan negatif pelaksanaan tarif dalam kegiatan Perdagangan Antarabangsa?
- A Perbelanjaan pengguna semakin merosot
 - B Masyarakat menggunakan barang yang bermutu rendah
 - C Kecekapan pengeluaran industri penggantian import jatuh
 - D Jumlah pengeluaran kereta tempatan kurang berbanding kereta import
- 32 Pasangan yang manakah betul?

A	Import barang nampak	Syarikat pengangkutan dari Vietnam menyewa kapal kargo milik Malaysia
B	Import barang tak nampak	Persatuan Badminton Malaysia menggunakan khidmat jurulatih Hendrawan dari Indonesia
C	Eksport barang nampak	Kerajaan Arab Saudi memberi bantuan kewangan kepada mangsa banjir di Pahang
D	Eksport barang tak nampak	Encik Mustafa dari Perak menghantar anaknya belajar dalam bidang ekonomi di London



Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35

I Modal mempunyai penawaran yang terhad yang menyebabkan harganya meningkat secara berterusan

II Ganjaran bagi pemilik modal ialah keuntungan
- 36

I Hukum permintaan menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan menurun

II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- 37

I Kehendak adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.

II Contoh kehendak ialah pakej pelancongan.
- 38

I Proses pengeluaran memerlukan penggabungan input-input untuk menghasilkan sejumlah output.

II Penghasilan output oleh firma bertujuan untuk memaksimumkan kebajikan pengguna
- 39

I Dasar fiskal mengembang bertujuan untuk mengurangkan permintaan agregat.

II Contoh dasar fiskal mengembang ialah kerajaan meningkatkan cukai ke atas masyarakat
- 40

I Kepentingan perdagangan antarabangsa kepada sesebuah negara ialah menggalakkan mobiliti tenaga buruh antara negara.

II Perdagangan antarabangsa akan mewujudkan lebih banyak pilihan dalam negara.

KERTAS TAMAT